



PENYATA RASMI
OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 3711]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang (Perancangan) Bandaraya Kuala Lumpur [Ruangan 3744]

Rang Undang-undang Bank [Ruangan 3791]

Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) [Ruangan 3823]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang Dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 3791]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEDUA

Hari Jumaat, 8hb Disember, 1972

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR :

- Yang Berhormat Tuan Yang di Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.
- „ Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kebajikan Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timor).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD, S.M.J. (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DATUK WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIF AHMAD (Langat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT, K.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N. P.M.P., (Krian Darat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- „ TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M. A.M.N., J.P. (Sungei Patani).
- „ DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).

Yang Berhormat DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S.
(Batu Pahat Dalam).

- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S., O.B.E. (Bandar Sibü).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N.
(Trengganu Tengah).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N.,
J.P. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S.
(Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).

Yang Berhormat PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).

- " TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- " TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- " DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- " TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- " DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- " TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- " TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Dato).
- " WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- " TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- " PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kinamis).
- " TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- " DATUK TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
- " DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- " TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- " TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- " TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- " TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- " TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- " TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- " TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- " TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).
- " TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- " TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIADA HADIR:

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M.,
P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK
BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).

" Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI
BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Kuala Kangsar).

" Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).

- „ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan, TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., S.M.K. J.M.N., J.M.K. (Tumpat).
- „ DATUK HAJI ABDULRAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., Datuk Sri Paduka Raja (Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beafort).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN MUSA HITAM (Segamat Utara).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ DATUK SRI S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Dilantik).

- „ Menteri Tugas-tugas Khas, DR LIM KENG YAIK (Dilantik).

DOA

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

ANGGOTA POLIS BERKAHWIN LEBIH

1. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) samada benar bahawa anggota Polis yang berkahwin lebih dari satu akan diberhentikan. Jika tidak, bagaimana yang sebenarnya; dan
- (b) adakah tindakan seperti ini hanya dikenakan kepada anggota-anggota Polis sahaja atau akan dikenakan juga kepada pegawai-pegawai yang lain dalam jabatan-jabatan Kerajaan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di Pertua,

- (a) Tidak benar.
- (b) Tidak dikenakan kepada mana-mana pegawai Kerajaan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Jika tidak benar tentang kenyataan berhubung dengan anggota-anggota Polis yang akan diambil tindakan yang berkahwin lebih dari satu, apakah yang diketahui oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berhubung dengan satu kenyataan yang dikeluarkan oleh pihak yang berkuasa kepada anggota-anggota Polis, kalau saya tidak silap, Ketua Polis Negara ataupun Timbalannya yang menyatakan bahawa tindakan seperti itu akan diambil kepada anggota-anggota Polis yang berkahwin lebih dari satu; jika ada apa-apa yang bersangkutan dengannya.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, mengikut fahaman saya membaca kenyataan itu, dia cuma menasihatkan sahaja kepada pegawai-pegawai Polis kerana hendak menjalankan tugasnya dengan sempurna supaya jangan berkahwin lebih daripada satu.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sedar bahawa ada perasaan gelisah oleh anggota-anggota Polis yang mempunyai isteri lebih daripada satu tentang berita yang tersebut. Dan adakah perasaan kegelisahan itu ada disampaikan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ataupun rayuan berhubung dengan hal yang tersebut?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, tidak ada.

BIRO BANTUAN GUAMAN

2. Tuan Fan Yew Teng minta Peguam Negara memberikan jumlah kes yang dikendalikan oleh Biro Bantuan Guaman semenjak biro itu ditubuhkan dan juga menyatakan jenis ujian pendapatan yang dijalankan terhadap pemohon-pemohon sebelum bantuan diberi.

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di Pertua, semenjak tertubuhnya Biro Bantuan Guaman di Kuala Lumpur dalam bulan September, 1970 sehingga 31hb Oktober, tahun ini, Biro itu telah memberi bantuan guaman dan nasihat kepada 996 orang iaitu terdiri dari 259 kes yang diberi bantuan penuh, 76 kes yang diberi bantuan separuh dan 661 kes yang diberi nasihat perundangan dengan percuma.

Jumlah orang-orang yang menerima bantuan dan nasihat bagi tempoh enam bulan pertama tertubuhnya Biro itu ialah 113; bagi tempoh enam bulan yang kemudiannya pula 217, bagi tempoh enam bulan yang ketiga ialah 241 dan sehingga penghujung bulan Ogos, 1972 ialah 301. Ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa angka-angka ini bertambah kerana bilangan orang yang meminta bantuan Biro di Kuala Lumpur bagi bulan September dan Oktober sahaja adalah sekarang berjumlah 124 orang.

Angka-angka yang diberi ini termasuklah lebih kurang 100 angka yang telah diberi bagi Negeri Kedah dan Perlis, di mana Pejabat Biro Bantuan Guaman telah ditubuhkan dalam masa 3 bulan yang lalu.

Bagi soalan yang kedua, perkara itu telah pun diuntukkan, ada disebutkan dalam Akta Bantuan Guaman sendiri, tetapi pada pendapat saya Ahii Yang Berhormat telah menyoalkan perkara ini kerana susah hendak fahamkan cara-cara pendapatan seorang itu yang boleh diberi bantuan. Sungguhpun ada undang-undang, saya rela juga memberi dan menambah penerangannya supaya memudahkan pengertian kepada Yang Berhormat sekalian, Tuan Yang di Pertua. Pendekkata, dengan lebih mudah kalau hendak faham, seseorang yang berpendapatan kurang daripada \$134.00 sebulan lain daripada pakaian, alat-alat mata pencarian, perabot rumah-tangga yang perlu dan sebuah rumah kediaman yang ditafsirkan mengikut nilai tahunannya tidak lebih daripada, assessmentnya \$150.00 mempunyai harta bernilai lebih daripada \$500.00 adalah berhak mendapat bantuan guaman percuma. Manakala orang yang pendapatan lebih daripada \$135.00 tetapi tidak lebih daripada \$321 sebulan dan mempunyai harta yang bernilai \$3,500 atau kurang, selepas ditolak pakaian dan lain-lain adalah dikehendaki memberi sumbangan terhadap menjalankan kes itu, tak banyak sumbangan-nya, dia kena bayaran certain fees.

Angka-angka yang diberi di atas itu adalah bagi seorang yang belum kahwin. Kelonggaran juga adalah diberi bagi orang-orang yang mempunyai orang tanggungan untuk melayakkan mereka mendapat bantuan, walaupun pendapatan mereka mungkin lebih sedikit daripada yang tersebut di atas tadi. Itulah yang dapat saya terangkan sungguhpun ada dalam undang-undang.

Tuan Fan Yew Teng: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Peguam Negara menerangkan bahawa orang-orang yang telah menerima bantuan dari Biro ini, apabila mereka dapat atau menang kos adakah mereka diminta memberi sedikit kos dari jumlah itu apa yang dia dapat atau menang kepada fund atau tabung ini, tabung derma ini.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Bagi pihak yang pertama yang miskin itu tidak ada bantuan cuma \$1 sahaja, bagi yang lebih daripada itu, ada bayarannya, ada certain percentage atas bayaran itu.

Tuan Fan Yew Teng: Soalan tambahan. Tuan Yang di Pertua, bolehkah Yang Berhormat Peguam Negara menerangkan ran-

cangan untuk meluaskan operasi Biro Bantuan Guaman ini kepada kawasan-kawasan seluruh negeri?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di Pertua, saya telah menubuhkan pejabat-pejabat bagi Negeri Kedah dan Perlis pada 3 bulan yang lalu. Sepatutnya saya menubuhkan juga di Kelantan dan Trengganu, tetapi pejabat telah disediakan masa ini dan saya berharap akan mendapat kakitangan dan pegawai-pegawai dan memulakan perkhidmatan di sana, insyaAllah dalam bulan Januari tahun hadapan dan dalam tahun hadapan ada cadangan hendak menubuhkan bagi negeri Johor. Penubuhan ini dijalankan peringkat demi peringkat. Dengan sebab bukanlah dari segi kewangan, tetapi dari segi kekurangan pegawai-pegawai yang berpengalaman dan susah juga mendapat pegawai rendah, terutamanya sebagai Jurubahasa, khasnya, hendak diadakan tiap-tiap pejabat itu payah hendak dapat di-segerakan. Itu satu daripada sebab kelegahan.

MAS—JUMLAH PERBELANJAAN

3. Tuan V. David minta Menteri Perhubungan menyatakan jumlah wang yang telah dibelanjakan oleh MAS sehingga 30hb November, 1972 terhadap perkembangan perdagangan.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, soalan ini adalah menyentuh pentadbiran dan pengurusan syarikat, sebagaimana syarikat-syarikat biasa, MAS juga didaftarkan sebagai syarikat. Tetapi setakat mana yang diketahui oleh Kementerian saya pihak MAS telahpun melancarkan kempen-kempen publicity dan iklan-nya ataupun promotion campaign di dalam dan di luar negeri dan telah dapat sambutan yang baik. Perbelanjaan yang berpatutan baginya telahpun dikeluarkan oleh pihak MAS. Perbelanjaan ini adalah berpanjangan dan jumlah perbelanjaannya belum lagi selesai sehingga kira-kira ditutup pada 31hb Mac, 1973.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi keterangan bahawa kita telah diberitahu dalam negara kita tidak boleh minum minuman keras. Ini saya telah dengar trade promotion mengadakan cocktail party yang

membelanjakan wang dengan banyaknya. Bolehkah Yang Berhormat Menteri terangkan atas perkara ini? Bolehkah kita membelanja atas minuman keras?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, Ahli Yang Berhormat ini tak pernah hadir di dalam cocktail party dalam arlines yang lain barangkali. Kalau dia ada, dia tahu. Yang kita adakan lebih kecil daripada yang lain-lain barangkali, kerana kita adalah sebuah syarikat yang baru dan nampaknya Ahli ini tidak sedar lagi atas perkara ini.

Tuan V. David: Saya bukan kata syarikat ini baru atau lama. Bagaimana rancangan atau polisi Kerajaan? Bolehkah diberi minuman keras? Saya dengar parti ini diadakan bukan dengan tujuan perniagaan dan pegawai dalam syarikat ini recommend buat party, tetapi parti itu tak ada membawa result. Bolehkah beri keterangan apakah result yang kita dapati? Berapa banyakkah parti sampai sekarang Trade Promotion telah adakan dalam negara kita?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, saya sudah katakan bahawa Trade Promotion telah mendapat sambutan yang baik oleh sebab hasilnya banyak menaikkan MAS sekarang ini. Dan tentang hendak menyekat satu-satu perusahaan perniagaan, kita tak boleh buat, kerana MAS hendak sesuaikan dengan kehendak customers. Tetapi kalau Ahli Yang Berhormat itu tak mahu minum keras, dan customers tak mahu minum apa pun, saya tak taulah, itu soal dia.

• **Tuan V. David:** Tuan Yang di Pertua, pada 3hb Oktober, kapal terbang MAS daripada Singapura, saya nampak hanya ada 8 passengers, tetapi bagaimana Trade Promotion ini boleh menggunakan wang dengan banyak dengan tidak ada mendatangkan hasil. Inilah yang kita mahu tahu daripada Menteri, untuk mendapat keterangan berapa juta ringgit kita sudah belanjakan untuk Trade Promotion. Oleh kerana wang ini adalah wang daripada rakyat, kita kutip melalui cukai-cukai yang dikenakan terhadap mereka, jadi kita mahu tahu berapa juta ringgit kita sudah belanjakan untuk Trade Promotion itu. Kalau perkara itu tidak betul digunakan pada masa yang akan datang, kita boleh bawa lagi bagaimana soal wang ini telah disalahgunakan. Saya minta Yang Ber-

hormat Menteri memberitahu Dewan ini untuk memberi keterangan kepada kita dan rakyat juga perlu tahu.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, Ahli Yang Berhormat itu kalau hendak bertanya, tanyalah betui-betul supaya senang dijawab. Saya kata orang yang hendak berniaga berilah tempoh satu tahun hingga tiga tahun. Ini baru dua bulan, dia minta kira-kira. Perniagaan yang macam mana yang boleh dibuat kalau semacam ini? Orang hendak berniaga pun tak boleh buat kerja betul. Sekarang saya kata, saya tak mahu jawab soalan itu. Ia nampak hanya mengenai 8 penumpang sahaja, tetapi bila kapal terbang kita penuh, dia tak nampak.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, saya cuma hendak tahu daripada Yang Berhormat Menteri, adakah MAS tidak ada satu account sampai sekarang atas perbelanjaan Trade Promotion itu?

Tuan Yang di Pertua: Apa soalnya?

Tuan V. David: Adakah Syarikat MAS mempunyai satu account atau tidak? Itu sahaja saya mahu tahu.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Ahli Yang Berhormat itu hendaklah tahu bahawa Syarikat MAS telah didaftarkan sebagai sebuah syarikat dan sudah tentu ada account-nya, kalau tak ada, dia akan kena denda (fine) nanti.

Tuan V. David: Kalau ada account agak-agak berapa yang kita sudah belanja sampai 30hb November? Itulah soalan saya, bukan account sampai masa sekarang ini.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, saya sudah terangkan tiap-tiap company pada akhir tahun, sekurang-kurangnya 6 bulan sekali, dia ada account, tetapi Ahli Yang Berhormat itu minta account tiap-tiap hari, tiap-tiap bulan, bilbil itu tak sampai lagi, bagaimana hendak berniaga kalau buat cara begini?

Tuan V. David: Kalau wang ini keluar daripada Menteri sendiri, saya tidak mahu bertanya. Wang ini hasil daripada cukai rakyat, kita mahu tahu berapa jumlahnya sampai sekarang yang Trade Promotion sudah belanjakan?

Tuan Yang di Pertua: Apa soalnya?

Tuan V. David: Itulah soalnya, Tuan Yang di Pertua, saya mahu tahu account itu sampai bulan November.

Tuan Yang di Pertua: Dia sudah jawab tadi, account tak siap, belum siap lagi, bukan hari-hari boleh dibentangkan account.

Tan Sri Syed Nasir bin Ismail: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Kalau pada 3 Oktober ada 8 orang sahaja penumpang, tetapi pada 2hb Disember, saya naik kapal-terbang itu penuh dengan penumpang. Adakah ini disebabkan oleh trade promotion?

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di Pertua.

Tuan Yang di Pertua: Nanti dulu, soalan tadi belum berjawab. Cuba lagi sekali, ulang balik soalan tadi.

Tan Sri Syed Nasir bin Ismail: Saya hendak bertanya Tuan Yang di Pertua, adakah benar atau tidak, oleh kerana Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat bimbang tentang perbelanjaan yang banyak oleh trade promotion; dia telah menyatakan bahawa pada 3hb Oktober, hanya 8 orang sahaja penumpang, tetapi pada 2hb Disember, saya naik dari Singapura ke Kuala Lumpur, kapal-terbang itu penuh dengan penumpang-penumpang, adakah ini hasil daripada trade promotion?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Ya, benar.

Tuan Yang di Pertua: Menteri tak tahu Ahli Yang Berhormat hendak menolong dia. (Ketawa).

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di Pertua, dalam rancangan penyebaran perniagaan Syarikat MAS ini, adakah mendapat sambutan dan kerjasama daripada Kerajaan Singapura?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Selama yang saya dapat tahu semenjak kita sudah betulkan keadaan tersebut, memanglah kita mendapat kerjasama antara Kerajaan Singapura dengan Kerajaan kita dan begitu juga kakitangan SIA pun bekerjasama dengan Syarikat MAS.

PASARAN BERSAMA EROPAH

4. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada Malaysia telah berunding dengan jayanya dengan Britain untuk mendapatkan tarif-tarif pilihan bila negara itu menyertai Pasaran Bersama Eropah, jika ya, nyatakan barang-barang yang akan terus menikmati tarif-tarif pilihan.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Mohamed Khir Johari): Tuan Yang di Pertua, dengan kemasukan United Kingdom ke dalam Pasaran Bersama Eropah pada 1hb Januari, 1973, semua keutamaan-keutamaan Commonwealth yang telah diberikan kepada eksport-eksport Malaysia ke United Kingdom akan ditarik balik secara berperingkat-peringkat di dalam jangka masa selama empat tahun mulai daripada 1hb Januari, 1974. Eksport-eksport utama Malaysia seperti getah, bijih timah, kayu balak, lada hitam akan masuk ke Kesatuan Ekonomi Eropah yang diperbesarkan itu tanpa dikenakan apa-apa cukai.

Berkenaan dengan barang-barang perkilangan dan separuh perkilangan daripada Malaysia dan lain-lain negara sedang membangun yang diimpot oleh Pasaran Bersama itu, mereka akan mendapat layanan yang lebih baik di bawah Sistem Keutamaan Am (Generalised System of Preferences). Memandang kepada perkara ini eksport-eksport Malaysia yang akan terlibat dengan kemasukan United Kingdom dan seterusnya dengan pelaksanaan dasar Tarif Luar Bersama Pasaran Bersama itu, adalah minyak kelapa sawit, nenas dalam tin dan minyak kelapa yang kadar cukainya akan dikenakan sebanyak 6%, 24% dan 10% tiap-tiap satu. Kadar-kadar cukai ini akan dikenakan secara berperingkat-peringkat mulai daripada 1hb Januari, 1974.

Semasa perundingan-perundingan untuk kemasukan United Kingdom ke dalam Pasaran Bersama Eropah, satu Pengishti-haran Tujuan telah dikeluarkan terhadap negara-negara Commonwealth di Asia, termasuk Malaysia. Pengishti-haran itu menyatakan bahawa Pasaran Bersama Eropah yang diperluaskan itu adalah bersedia untuk mengkaji masaalah-masaalah perdagangan

yang akan dihadapi oleh negara-negara berkenaan berhubung dengan perluasan tersebut dengan tujuan untuk mencari penyelesaian-penyelesaian yang baik. Pada masa ini Kerajaan sedang menyediakan pendirian yang perlu diambil di dalam perundingan-perundingan yang akan diadakan dengan Pasaran Bersama Eropah di dalam konteks Pengishtiharan Tujuan tersebut dengan tujuan untuk mendapatkan perlindungan maxima terhadap barangan-barangan yang akan terlibat berikutan dengan kemasukan United Kingdom ke dalam Pasaran Bersama itu. Untuk menentukan yang tindakan-tindakan tersebut akan memberi lebih kesan, Malaysia akan bekerja rapat dengan negara-negara ASEAN yang lain untuk mencapai satu pendirian yang sama terhadap perkara ini.

GETAH—PENGELUARAN PEKEBUN KECIL

5. **Dr Chen Man Hin** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan setakat manakah pengeluaran getah pekebun-pekebun kecil telah jatuh tahun ini dan sebab-sebab kemerosotan pengeluaran kebun kecil.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di Pertua, jumlah pengeluaran getah oleh pekebun-pekebun kecil bagi bulan Januari sehingga September 1972 telah turun jika dibandingkan dengan jumlah pengeluaran bagi masa yang sama tahun lepas. Bagi bulan Januari hingga September 1972 pengeluaran pekebun-pekebun kecil adalah sebanyak 912,539 tan iaitu kekurangan sebanyak 10,165 tan atau 1.2 peratus jika dibandingkan dengan tahun lepas dalam masa yang sama di dalam mana angka pengeluarannya dalam tahun 1971 adalah sebanyak 922,704 tan. Sebab-sebab kejatuhan ini ialah kerana harga pada tahun 1972 dalam masa 9 bulan itu sangatlah tidak memuaskan dan menyebabkan sebilangan pekebun-pekebun kecil mencari mata pencarian yang lain. Harga pukol rata pada masa Januari sehingga September 1972 ialah 40½ sen sepau dan di dalam masa itu juga pada tahun lepas harganya ialah 47.3 sen sepau iaitu dalam tahun 1972 kejatuhan harga sebanyak 6.8 sen sepau atau 14.75 peratus.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah dapat Yang Berhormat Menteri yang berkenaan

ini mengakui sah satu ramalan yang dibuat oleh dua orang pakar nujum dalam negeri ini, dengan mengatakan bahawa harga getah kita pada tahun 1973 kelak akan berharga 60 sen?

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di Pertua, kalau nujum ini betul ramalannya, saya seorang daripada manusia yang akan sangat gembira.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan.

Tuan Yang di Pertua: Perkara nujum? (Ketawa).

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Saya tidak suka nujum. Tuan Yang di Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama sedar bahawa sehingga ini pekebun-pekebun kecil masih kurang bersemangat untuk kembali kepada pekerjaan asalnya iaitu menureh getah walaupun, harga getah telah naik, ini disebabkan oleh harganya naik di peringkat pusat, tetapi jualan di peringkat daerah-daerah dan negeri-negeri masih terkongkong oleh pihak orang-tengah, adakah Yang Berhormat Menteri sedar dan apakah tindakan diambil untuk mengatasinya?

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di Pertua, bagi gambaran am saya tidak setuju kepada kenyataan yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat itu, sebenarnya kenaikan getah itu bukan di peringkat pusat sahaja, tetapi telah merebak di sekitar tanahair kita. Saya telah pun mengarahkan pegawai-pegawai dalam jabatan saya supaya sedia menerima apa-apa komplen yang ada mengenai seorang yang tidak membeli getah menurut kenaikan yang telah berjalan dalam dua tiga bulan ini.

Tuan Ahmad bin Haji Ithnin: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu apakah langkah-langkah yang akan dibuat dalam masaalah kemurusutan pengeluaran getah daripada pekebun-pekebun kecil sebagaimana yang dikatakan oleh Menteri yang berkenaan, apakah satu langkah yang lebih berkesan ertinya bagi pihak pekebun-pekebun kecil dapat membuat pengeluaran getah dengan lebih banyak daripada yang dijadualkan.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di Pertua, saya fikir tidak payahlah saya menjawab hal ini. Sebenarnya, pada persidangan yang lepas, beberapa hari saya telah tempuh untuk memberi ucapan mengenai perkara ini.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama sedar bahawa walaupun harga getah di peringkat pusat telah naik, tetapi jualan di kampung-kampung masih rendah di mana pembeli-pembeli merupakan orang-tengah, iaitu dengan harga lebih kurang \$37.00 satu pikul 37 sen satu kati sahaja, adakah Yang Berhormat sedar dan apakah tindakannya?

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Saya fikir, kalau \$37.00 satu pikul pada masa harga kurang lebih 49 sen ataupun 50 sen satu paun yang ada sekarang ini adalah sangat berkurangan. Sebenarnya mengikut kajian kita selalu harga yang dibeli di bawah itu adalah selalunya kurang di antara 7 sen hingga 12 sen satu paun sahaja. Jadi kalau ada perkara yang diketahui oleh Ahli Yang Berhormat mengenai kejadian demikian di satu-satu tempat, maka saya inginlah mendapat laporan dan saya akan mengambil tindakan tegas.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Adakah Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama bersedia kiranya pekebun-pekebun kecil yang mempunyai getah untuk dijual dan harga di daerah-daerah terlampau rendah, untuk menerima ataupun membeli melalui badan-badan yang berada di bawah kuasa Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama?

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Kalau dalam kawasan itu ada kilang M.R.D.C., saya rasa bolehlah saya membeli, tetapi kalau tidak ada ini berkehendakkan jentera yang lebih besar dan yang kita belum dapat dirikan dengan serta merta. Tetapi pada kasarnya kita hanya ingin hendak melihatkan bahawa ada amalan secara prektik, dan kalau ada pehak yang tidak menjalankan secara prektik, maka kita cuba hendak menasihati dan kalau nasihat tidak berjalan barangkali kita memikirkan satu tindakan yang lebih tegas lagi.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Beberapa bulan dahulu kita telah menubuhkan satu marketing centre

di Kuala Lumpur, apakah langkah Kerajaan telah ambil untuk memberi faedah kepada pekebun-pekebun kecil selepas penubuhan itu?

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Seperti saya katakan pada persidangan yang lepas satu jentera yang kita gunakan pada peringkat mula-mula ialah hendak menggunakan M.R.D.C. membelikan susu getah untuk menjadikan getah S.M.R. Di samping itu kita juga telah menjalankan satu skim baharu iaitu membolehkan M.R.D.C. supaya membeli sheet rubber di kawasan-kawasan atas peringkat percubaan dahulu. Kita akan melihat sejauh mana kita dapat bergerak dan seberapa cepat kita dapat bergerak sebelum kita dapat menentukan satu sistem yang baharu. Rangka-rangka mengenai pemasaran sedang disusun semula dan seperti Ahli Yang Berhormat tahu ini memakan masa sedikit.

PELAJARAN KE UNITED KINGDOM— RUNGUTAN PENUNTUT

6. Tuan Tan Cheng Bee minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa ada rungutan-rungutan dari penuntut-penuntut yang telah membuat permohonan kepada Jabatan Pelajaran untuk mendapatkan anjuran melanjutkan pelajaran ke United Kingdom bahawa mereka tidak dapat bertolak dalam masa yang ditentukan untuk memasuki Pusat-pusat Pelajaran yang telah menerima mereka kerana kelewatan yang berlarut-larut dalam memproses permohonan-permohonan mereka, dan jika ya, samada beliau akan memberikan satu jaminan supaya semua permohonan-permohonan ini pada masa yang akan datang akan diuruskan dengan segera agar penuntut-penuntut tidak akan tergendala untuk memasuki Universiti-universiti ataupun Kolej-kolej yang telah menerima mereka.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran (Tuan Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di Pertua, sebenarnya apabila seseorang penuntut membuat permohonan untuk mendapat Surat Tajaan (Letter of Recommendation) daripada Kementerian Pelajaran, jarak masa yang diperlukan sebelum Surat Tajaan itu dapat dikeluarkan bergantunglah kepada cara ia membuat permohonannya.

Sekiranya penuntut itu memohon tempat terus kepada kolej atau yayasan pengajian (selain dari sebuah universiti) di seberang

laut dan berjaya mendapatnya iaitu tertakluk kepada sokongan daripada Kementerian Pelajaran, maka jarak masa yang diperlukan sebelum Kementerian dapat mengeluarkan Surat Tajaan ialah lebih kurang empat minggu sahaja. Masa ini perlu untuk memproses permohonan penuntut-penuntut itu mengenai maklumat-maklumat peribadi, kewangan dan kesihatan sebelum dikeluarkan Surat Tajaan untuk mendapat visa.

Cara kedua, sekiranya penuntut memohon kepada Kementerian Pelajaran, meminta supaya Kementerian mencari tempat untuknya, maka jarak masa yang diperlukan sebelum dapat dikeluarkan Surat Tajaan mungkin melebihi lapan belas minggu. Jarak masa ini adalah perlu untuk Kementerian memproses permohonan tersebut serta bagi membolehkan Jabatan Penuntut-penuntut Malaysia (Malaysian Students Department) mencari tempat di yaysan-yayasan pengajian yang sesuai untuk penuntut-penuntut itu. Disamping itu perjalanan surat-surat antara Kuala Lumpur dan MSD di seberang laut memakan masa tiga atau empat minggu. Sekiranya penuntut itu mempunyai kelulusan yang baik maka peluang ia mendapat tempat belajar disesebuah kolej atau sekolah dengan lebih awal adalah lebih cerah lagi.

Kedua-dua cara yang disebut tadi ialah cara-cara untuk mendapat tempat di yaysan-yayasan pengajian di seberang laut selain daripada universiti.

Untuk mendapat tempat di universiti di seberang laut pula permohonan mestilah disalurkan melalui Kementerian Pelajaran. Kementerian Pelajaran akan memproses dan meluluskan maklumat-maklumat peribadi, kewangan dan kesihatan. Permohonan mestilah dibuat di atas borang permohonan U.C.C.A. (Universities Central Council of Admission). Setelah permohonan itu diproses oleh Kementerian dan mendapat sokongannya, permohonan itu akan dipanjangkan kepada Jabatan Penuntut Malaysia untuk tindakan mereka. Ini adalah satu syarat yang ditetapkan oleh U.C.C.A. MSD (Malaysian Students Department) seterusnya pula akan menyampaikan permohonan itu bersekali dengan sokongan mereka kepada pejabat U.C.C.A. U.C.C.A. kemudian akan berunding terus dengan penuntut berkenaan dengan permohonanannya. Apabila ia berjaya mendapat tempat, pemohon bolehlah minta Surat Tajaan dari Kementerian Pelajaran untuk membolehkannya mendapatkan visa.

Biasanya jangka masa yang diambil oleh U.C.C.A. untuk memberitahu pemohon samada ia berjaya mendapat tempat atau tidak mungkin mengambil masa selama enam bulan.

Dari keterangan di atas maka jelaslah bahawa Kelewatan yang berlaku seperti yang disungutkan oleh penuntut-penuntut itu bukanlah disebabkan oleh Kementerian Pelajaran.

Tuan Fan Yew Teng: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa banyak permohonan pelajar-pelajar ini dikendalikan bukan terus oleh Jabatan Pelajaran, tetapi oleh syarikat-syarikat atau travel agencies.

Tuan Mohammed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua, saya kurang faham soalnya.

Tuan Fan Yew Teng: Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa banyak permohonan oleh pelajar-pelajar untuk sponsorship dari Kerajaan atau Jabatan Pelajaran bukan dikendalikan terus di antara pelajar-pelajar dengan Jabatan Pelajaran, tetapi oleh syarikat-syarikat atau travel agencies.

Tuan Mohammed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua, syarat untuk Surat Tajaan ini hanya dikenakan untuk sementara waktu ini kepada penuntut-penuntut yang hendak melanjutkan pelajaran ke Great Britain dan ke Indonesia bagi mereka yang hendak melanjutkan ke negeri-negeri yang lain syarat-syarat ini belum dikenakan.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar kalau pemohon itu jalankan terus meminta permission tidak dapat dengan cepatnya, tetapi kalau dia boleh meminta atas nama suatu travel agency maka dia boleh dapat awal dan tidak guna menunggu selama 6 bulan atau setahun, dan oleh kerana ada travel agency dengan Kementerian ini membuat suatu perjanjian yang barangkali orang luar tidak tahu.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Saya mengetahui maksud pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu dan perkara yang dibangkitkannya itu adalah menjadi satu soalan yang lain pada hari yang lain. Soalan ini

bermaksud, rasa saya, Ahli Yang Berhormat itu mengatakan jika pemohon-pemohon sponsorship melalui travel agencies atau agency lain, pegawai-pegawai di Kementerian Pelajaran akan memberi keutamaan dengan bermakna agency-agency itu memberi wang suap. Soalan ini ada dikemukakan oleh seorang Ahli Yang Berhormat pada masa hari yang lain. Rasa saya itulah maksudnya pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu.

Saya hendak memberi penjelasan di sini, jika maksud pertanyaan Ahli Yang Berhormat bertujuan demikian mendatangkan tuduhan-tuduhan iaitu dengan melalui travel agencies atau agency-agency lain keutamaan akan diberi kepada permohonan itu oleh pegawai-pegawai Kementerian Pelajaran, dan kalau ada perkara-perkara semacam itu yang terang saya minta ahli-ahli yang terhormat menyampaikan kepada saya dan jika perkara itu betul dan jika ada pegawai-pegawai di Kementerian Pelajaran melakukan perkara itu, saya berjanji dengan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya akan mengambil tindakan dengan sekeras-kerasnya.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, tadi jawapan daripada Setiausaha Parlimen ada berkata sesuatu permohonan mahu menunggu sampai 18 minggu ataupun 6 bulan yang sponsorship boleh menyelesaikan dengan Kementerian Pelajaran. Tetapi kalau Kementerian ini boleh siap sponsorship ini dalam dua tiga bulan barangkali perkara ini tidak boleh menjadi suatu soalan. Saya minta Kementerian ini ubahkan procedure dan apa-apa dalam Kementerian itu bagi menyenangkan kepada sesiapa yang mahu pergi ke luar negeri belajar, dan ada juga komplek

Tuan Yang di Pertua: Ini soal jawab, bukan masanya hendak memberi nasihat.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, minta maaf, saya minta bolehkah dalam sebulan dua ini diselesaikan perkara ini dengan sponsorship?

Tuan Mohammed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua, bagaimana saya menjawab tadi, lambat atau lekasnya seseorang itu mendapat Surat Tajaan ialah berasaskan kepada caranya memohon untuk mendapatkan tempat di Pusat-pusat Pengajian Tinggi di seberang

laut. Kalau dia menguruskan sendiri dan menulis sendiri dengan Kolej yang dia hendak belajar di seberang laut, saya sebutkan tadi akan memakan masa 4 minggu bagi kita memberi Surat Tajaan itu. Tetapi kalau dia berkehendakkan bantuan daripada Kementerian Pelajaran untuk mencarikan tempat dan seterusnya mengeluarkan Surat Tajaan bagi mereka itu akan memakan masa 8 minggu. Itu bagi mereka yang hendak memohon masuk ke Kolej bukan ke Universiti. Tetapi bagi mereka yang hendak masuk ke Universiti dia mesti masuk permohonan-nya melalui Kementerian Pelajaran, kemudian permohonan itu akan kita hantar ke Malaysian Students Department di London, dan di sana Malaysia Students Department akan menguruskan dan mencarikan tempat mereka itu dan ini biasanya memakan masa 6 bulan. Saya harap Yang Berhormat itu faham. Tetapi bagi mereka yang mempunyai kelulusan yang baik akan lekas dapat tempat baginya itu, tetapi bagi mereka yang mempunyai kelulusan yang kurang baik tentulah ada waiting list di dalam Universiti yang mana mereka itu memohon.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa pihak ibubapa di seluruh negara berasa kebimbangan mengenai perkara ini bahawa di masa hadapan atau ada kemungkinan Kerajaan akan menaruh syarat-syarat untuk menghadkan pelajar-pelajar pergi ke luar negeri untuk melanjutkan pelajaran mereka dan bolehkah Kerajaan beri satu jaminan yang tegas bahawa di masa hadapan Kerajaan tentu tidak akan membuat apa-apa syarat-syarat untuk menghadkan pelajar-pelajar yang ada kelayakan, kebolehan dan kemampuan untuk pergi ke luar negeri melanjutkan pelajaran mereka.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di Pertua, pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu mengatakan harus mendatangkan kebimbangan. Tiap-tiap suatu perbuatan, langkah-langkah atau procedure yang dibuat oleh Kerajaan tentu mendatangkan kebimbangan. Masalah sponsorship anak-anak kita ke luar negeri, di masa ini tidak ada dihadkan. Masalah kebimbangan pada masa yang akan datang tidak patut dibangkitkan dengan keadaan yang ada sekarang.

ANJING GILA—MENCEGAHNYA

7. **Dr A. Soorian** minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerianannya untuk mencegah merebaknya penyakit anjing gila, jika ya, samada beliau akan menimbang menggunakan cara-cara Jepun mencegah penyakit anjing gila di mana tiap-tiap anjing mesti disuntik tiap-tiap 6 bulan sekali untuk mencegah penyakit anjing gila.

Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di Pertua, langkah-langkah mencegah penyakit anjing gila dijalankan oleh Bahagian Perkhidmatan Haiwan di bawah Kementerian Pertanian dan Perikanan dan Jabatan-jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri. Ubat suntikan boleh diperolehi pada bila-bila masa oleh sesiapa yang memelihara anjing, di pejabat-pejabat haiwan. Tiap-tiap ubat suntikan yang diberi boleh memberi kuasa pencegahan selama dua tahun. Kempen suntikan besar-besaran dilancarkan di kawasan-kawasan yang telah dilaporkan sebagai kawasan serangan penyakit anjing gila. Di samping kempen suntikan, sekatan perjalanan keluar masuk anjing dari kawasan yang telah diisytiharkan kawasan serangan itu ke lain-lain kawasan juga dikenakan. Anjing-anjing yang dibiarkan berkeliaran dengan tiada memakai simpai mulut dan anjing-anjing liar adalah dimusnahkan pada masa itu juga. Biasanya dengan langkah-langkah yang demikian itu penyakit itu terkawal dan tidak merebak ke kawasan-kawasan lain. Pada masa sekarang Kementerian Pertanian dan Perikanan tidak bercadang hendak mencontohi cara-cara kawalan mencegah anjing gila dengan mengenakan peraturan suntikan tiap-tiap ekor anjing pada enam bulan sekali sebagai yang dikatakan dibuat di negeri Jepun.

PEMOGOKAN DALAM INDUSTRI-INDUSTRI

8. **Dr A. Soorian** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sebab-sebab bertambahnya keadaan yang tidak tenteram di dalam industri-industri di negeri ini hingga akhir bulan Ogos, 1972 sebanyak 115 pertelingkahan industri-industri telah berlaku dan lebih daripada 22,000 hari tenaga pekerja telah hilang, dalam tahun 1970 hanya 17 pemogokan berlaku dan 1,867 hari tenaga

pekerja hilang tetapi dalam tahun 1971, 45 pemogokan berlaku dan 20,265 hari tenaga pekerja telah hilang.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan Lee San Choon): Tuan Yang di Pertua, perbezaan diantara majikan-majikan dan pekerja-pekerja di dalam sistem socio-politico-economic kita adalah jelas. Tetapi berdasarkan kepada rekod-rekod yang telah lalu, ianya adalah sedikit. Angka-angka berkaitan adalah seperti berikut:

	PEMOGOKAN			
	Pertikaian Per- usahaam	Pekerja-pekerja terlibat	Pekerja-pekerja terlibat	Kehilangan man- days
Hitong panjang (tiap tahun) bagi 1965-1969 ...	260	61	15,724	155,551
Hitong panjang bagi 1970-1972 (sehingga 31-10-72)	130	41	5,123	18,084

115 Pertikaian perusahaan yang dirujukkan oleh Ahli Yang Berhormat yang berlaku dalam tahun 1972 (sehingga akhir bulan Ogos) adalah kebanyakannya mengenai keadaan dan syarat-syarat pekerjaan. Pertikaian-pertikaian ini telah diselesaikan dengan aman oleh kedua-dua pihak yang berkenaan tanpa tindakan perusahaan seperti mogok atau lock-out hasil dan usaha-usaha runding damai pegawai perhubungan perusahaan Kementerian saya. Dalam masa yang sama terdapat 42 pemogokan yang mengakibatkan kehilangan 22,047 man-days, tetapi keadaan ini tidak boleh dibandingkan dengan keadaan yang terdapat dalam tahun 1970 atau 1971 apabila hanya terdapat kejadian-kejadian pemogokan yang rendah kerana keadaan darurat disepanjang tahun 1970 dan awal 1971 serta majikan-majikan dan pekerja-pekerja sentiasa berusaha untuk menyelesaikan silap faham mereka tanpa sebarang tindakan perusahaan.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menerima kenyataan bahawa pemogokan yang berlaku di tiap-tiap buah kilang atau di tempat pekerjaan adalah lebih banyak pada tahun ini dan tahun lepas disebabkan majikan tidak mengikut Undang-undang Buruh? Pejabat Buruh dan Kementerian Buruh tidak mengambil tindakan atas perkara ini. Dengan sebab itulah kejadian mogok berlaku dengan banyaknya. Oleh

kerana pekerja-pekerja tidak mendapat haknya, kejadian mogok pun berlaku, adakah itu benar?

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di Pertua, bukan sahaja majikan-majikan tidak mengikut Undang-undang, kesatuan-kesatuan juga ada yang tidak mengikut Undang-undang.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, kalau kesatuan tidak mengikut undang-undang Kerajaan tidak boleh meluluskan pendaftarannya, tetapi kalau majikan lari daripada Undang-undang, Kerajaan menaruh simpati kepada mereka. Ini ialah kerana mereka menyumbangkan derma yang banyak, manakala di pihak kesatuan tidak boleh memberi apa-apa. Saya harap Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dapat membuat kenyataan bahawa mogok-mogok itu berlaku disebabkan pekerja-pekerja tidak mendapat hak mereka seperti yang dikatakan "Masyarakat Adil". Jadi, dengan sebab itu terjadilah mogok.

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di Pertua, saya tidak bersetuju atas pendapat itu. Boleh jadi kesatuan-kesatuan di bawah pimpinan Ahli Yang Berhormat itu tidak mendapat derma dari majikan-majikan, oleh sebab itu Ahli Yang Berhormat itu mengeluarkan pendapat seperti itu.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, mereka hidup disebabkan majikan, bukan fasal kerja.

Tuan Goh Hock Guan: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat menimbangkan dan dengan hal yang demikian itu mengikut satu sistem Labour Management Relationship yang sekarang diadakan di negeri Jerman dan negeri Sweden, iaitu majikan tidak menganggap buruk terhadap pekerja-pekerja dan pekerja-pekerja tidak pula menganggap majikan sebagai seorang musuh, tetapi sebagai partners dalam pembangunan negara. Saya percaya sistem yang sekarang dijalankan di negeri Jerman dan di negeri Sweden adalah banyak

Tuan Yang di Pertua: Ini hendak bertanya atau hendak bercerita?

Tuan Goh Hock Guan: Itulah soalnya.

Tuan Yang di Pertua: Apa soalnya? (Ketawa)

Tuan Goh Hock Guan: Bolehkah Kementerian menimbangkan dan mengikut dasar yang sekarang diadakan di negeri Jerman dan Sweden?

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di Pertua, sistem-sistem atau dasar-dasar yang kita gunakan mestilah bersesuaian dalam keadaan kita yang ada sekarang. Mungkin sistem-sistem itu bersesuaian dalam keadaan di satu-satu tempat di lain-lain negara, mungkin sistem itu tidak sesuai dalam negeri ini. Pada pendapat kita sistem yang kita amalkan telah berjalan dengan memuaskan dan Kerajaan pula selalu mengkaji sistem kita. Jikalau didapati patut kita mengubah sistem yang ada sekarang, Kerajaan akan mengambil tindakan mengubah sistem yang ada sekarang.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Kerajaan mesti ada lapuran dan rekod-rekod di Kementerian Buruh mengenai pemogokan dalam negara kita, kerana majikan tidak mahu menerima pengiktirafan kesatuan. Bolehkah Kerajaan ubah undang-undang ini dan bawa satu undang-undang yang tetap yang mesti majikan-majikan mahu mengiktiraf kesatuan, yang mahu menerima kesatuan sebagai satu badan dalam masyarakat kita?

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di Pertua, itu soalan lain dan soal lain itu telah menjadi rekod yang lama. Saya tidak sanggup lagi menjawab soalan itu.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, soal ini berkenaan dengan mogok, mogok yang banyak berlaku di dalam negara kita, sebab majikan-majikan tidak mahu mengiktiraf kesatuan ataupun iktiraf kesatuan, tetapi buang siapa-siapa yang jadi wakil dalam kesatuan. Lapuran ini ada dalam Kementerian Buruh. Saya minta kepada Kerajaan bolehkah bawa undang-undang pindaan ke atas Undang-undang Buruh dan ubah undang-undang ini yang mana kesatuan boleh dapat satu kehormatan dalam masyarakat kita?

Tuan Lee San Choon: Soal mengiktirafkan kesatuan-kesatuan oleh majikan telah dijawab dalam Dewan ini beberapa kali. Jadi tak payahlah saya ulangi lagi.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri kata kalau mahu ubah undang-undang boleh juga bila mana ada yang tak betul, boleh

diubah balek. Saya nampak sekarang dalam negara kita pemogokan lebih dan undang-undang ini kenalah diubah. Saya minta Yang Berhormat Menteri memberi jaminan supaya mengubah undang-undang ini, dan bila sudah ubah undang-undang ini, barangkali tidak ada mogok. Bolehkah ataupun tidak diubahkan undang-undang itu?

Tuan Lee San Choon: Perkara ini seperti saya terangkan tadi, pada pendapat kita undang-undang yang ada sekarang adalah memuaskan. Jadi pada pendapat kita tidak payah kita ubah undang-undang berkenaan mengiktirafkan undang-undang kesatuan.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, dalam acara Majlis ini ada juga satu perkara yang Kerajaan ada bawa pindaan atas Undang-undang Buruh, Kerajaan sendiri ada bawa, tetapi sekarang saya nampak Yang Berhormat Menteri kata tidak mahu ubah undang-undang ini, tetapi dalam acara Majlis ini hendak membawa pindaan atas Undang-undang Buruh. Saya minta janganlah kita bohong dalam Dewan ini, berbohonglah di luar dan berilah keterangan yang betul yang undang-undang kita tidak betul, tetapi kita hendak ubah, macam mana kita mahu ubah, itu adalah perkara lain. Saya minta janganlah kita selalu kata macam-macam di sini, seolah-olah orang luar tidak tahu, dan kita sendiri pun tidak tahu.

Tuan Yang di Pertua: Jangan memberi nasihat panjang-panjang. Kalau hendak tanya soalan tambahan boleh ditanya. Pada waktu ini soalan tambahan sahaja dan samada dijawab atau tidak, terpulanglah kepada pihak di sini.

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di Pertua, saya telah beri keterangan bahawa Kerajaan akan mengkaji undang-undang yang ada pada bila masa pun, kalau Kerajaan fikir patut kita mengubah undang-undang yang ada, kita akan ambil tindakan supaya kita mahu ubahkan atau pindaan undang-undang yang ada. Saya telahpun berucap tadi iaitu berkenaan recognition of union. Perkara ini pada pendapat kita undang-undang yang ada sekarang adalah memuaskan, tak payah kita ambil tindakan. Ini bukan bermakna dalam semua undang-undang kita tak payah kaji dan tak payah buat pindaan, itu saya tidak tahulah Ahli Yang Berhormat tak faham atau sengaja tidak hendak faham.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, satu perkara mengenai kesatuan dengan satu syarikat sampai sekarang pengiktirafan belum selesai yang mana Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri tahu. Sebab perkara ini juga sudah dibawa ke Mahkamah Tinggi sekarang. Kalau ada undang-undang yang baik mana kesatuan yang di iktiraf oleh majikan, perkara ini boleh selesai sahaja dalam indastri. Saya minta kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri janganlah beritahu dalam Majlis ini bahawa perkara itu kita tidak faham—kita faham. Itulah sebabnya saya bertanya, bolehkah dibawa satu undang-undang atau pindaan atas Undang-undang Buruh yang mana tiap-tiap majikan dalam negara kita boleh mengiktiraf kesatuan, kerana kalau negara kita mahu masyarakat adil, kita mestilah mempunyai kesatuan yang kuat, majikan mahulah iktiraf. Saya minta kepada Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat dan Timbalan Menteri membawa satu undang-undang supaya tiap-tiap kesatuan diktirafkan oleh majikannya.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di Pertua, Ahli Yang Berhormat itu adalah seorang Trade Unionist dan Ahli Yang Berhormat sendiri sedia maklum berapakah majikan yang sudah memberi recognition kepada union dia di dalam undang-undang yang ada pada masa sekarang. Kita dalam Kerajaan minta Trade Unionist membuat kerjanya. Kalau Trade Union minta Kerajaan bagi membuat kerjanya untuk dia, itu bukanlah tujuan Kerajaan. Kerajaan memang ada undang-undang sebagaimana rakan saya kata tadi dan itu adalah cukup memuaskan pada masa sekarang. Kita berharap kepada Trade Unions supaya menunjukkan tanggungjawab kepada majikan-majikan dan itu boleh bagi kepercayaan kepada Trade Union supaya boleh dapat recognition.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, Yang Berhormat Menteri sendiri tahu Syarikat Bas Foh Hup sudah membawa kesnya ke Mahkamah Tinggi. Yang Berhormat Menteri Buruh memberi nasihat ikut undang-undang dan nasihat itu dia buang sahaja. Saya minta Yang Berhormat Menteri Buruh boleh memberi keterangan dalam perkara ini.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di Pertua, Ahli Yang Berhormat itu tahu macam mana kita ada undang-undang sekali pun kita tidak boleh tahan sesiapa yang hendak pergi ke Mahkamah under common law.

Tuan Yang di Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan Lisan bagi Pertanyaan-pertanyaan No. 9 hingga 17 adalah diberi di bawah ini).

KECICIRAN PENUNTUT-PENUNTUT

9. Tuan Pengiran Tahir bin Pengiran Patera minta Menteri Pelajaran memandangkan bahawa keciciran penuntut-penuntut di sekolah-sekolah menengah di negara ini masih berlaku, nyatakan:

- (a) samada kebanyakan keciciran itu berlaku di bandar atau di luar bandar; dan
- (b) samada benar bahawa bilangan besar keciciran ini terdiri dari penuntut-penuntut bumiputra.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Hasil sepenuh mengenai kajian tersebut belum lagi siap. Segala langkah sedang diambil bagi mempercepatkan kerja-kerja itu supaya laporan yang lengkap dapat disiapkan. Oleh yang demikian saya tidaklah dapat memberi sebarang pandangan sebelum dikeluarkan laporan tersebut.

SISTEM PELAJARAN VOKESYENAL

10. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) samada satu kajian telah dibuat mengenai sistem pelajaran Vokesyenal dari segi perdagangan dan perusahaan; dan
- (b) samada mata-mata pelajaran yang diajar itu ada kena mengena dengan kebolehan penuntut-penuntut mendapatkan kerja.

Datuk Hussein bin Datuk Onn:

- (a) dan (b). Ya.

PASARAN BERSAMA NEGARA ASEAN

11. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada kemajuan telah dibuat untuk menubuhkan sebuah pasaran bersama dengan ahli-ahli kumpulan negara-negara ASEAN.

Tuan Mohamed Khir Johari: Ahli-ahli kumpulan negara-negara ASEAN telah menerima dasar kerjasama rapat di dalam bidang ekonomi di antara negara-negara ahli; akan tetapi sehingga tarikh ini belum ada keputusan tegas telah dicapai mengenai persoalan pasaran bersama. Satu Kumpulan Pengkaji Bangsa-bangsa Bersatu telahpun di lantik untuk mengemukakan kemungkinan lapangan-lapangan kerjasama yang akan dapat melicinkan perkembangan dan pembangunan ekonomi serta perdagangan negara-negara ASEAN. Laporan Kumpulan Pengkaji tersebut telah siap dan telahpun dimajukan kepada Kerajaan-kerajaan negara-negara ASEAN untuk dipertimbangkan. Sementara itu, beberapa projek-projek bersama di bidang pelancungan, pertanian, pengangkutan dan lain-lain lagi telahpun dikendalikan.

BOM-BOM SURATAN— LANGKAH MENCEGAH

12. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Perhubungan menyatakan adakah benar bahawa banyak bom-bom surat telah dikirimkan melalui Jabatan Pos Malaysia kepada orang-orang di seberang laut dan jika ya, apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk menjamin perkara-perkara begitu tidak lagi berlaku pada masa depan.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Beberapa surat-surat yang mengandungi alat-alat letupan yang sama seperti mana yang dilaporkan di negara-negara lain telah di kesan oleh Pejabat Besar Pos, Kuala Lumpur pada 30hb Oktober, 1972. Kesemua surat-surat itu dialamatkan kepada orang-orang disebatang laut.

Langkah-langkah sewajarnya telah diambil untuk menentukan supaya surat-surat seperti ini, jika di poskan di Malaysia akan ditahan. Bagi kepentingan keselamatan, butir-butir lanjut mengenai langkah-langkah ini tidaklah dapat dinyatakan.

PROJEK-PROJEK PERKILANGAN

13. Tuan Lim Kit Siang bertanya kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat berapa banyak kerjakah yang telah diwujudkan di sektor pembuatan di dalam dua tahun yang pertama Rancangan Malaysia Kedua.

Tan Sri V. Manickavasagam: Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh rakan saya, Menteri Perdagangan dan Perindustrian di Dewan ini semalam bahawa Kerajaan telah meluluskan 94 projek-projek perkilangan yang banyak menggunakan tenaga manusia semenjak dilancarkan Rancangan Malaysia Kedua. Projek ini adalah dijangka akan memberikan pekerjaan kepada 35,600 orang. Hal ini adalah satu tanda baik berbanding dengan sasaran untuk mengwujudkan 108,000 pekerjaan baru di dalam sektor pembuatan dalam masa Rancangan Malaysia Kedua. Terdapat tanda-tanda bahawa kejayaan yang lebih baik lagi akan diperolehi dalam masa 3 tahun yang akan datang dalam tempoh Rancangan ini.

POLARISASI PENUNTUT DI KAMPUS UNIVERSITI

14. Tuan Lim Kit Siang bertanya kepada Menteri Pelajaran adakah beliau sedar bahawa terdapat perkembangan polarisasi dikalangan penuntut-penuntut di kampus Universiti Malaya, dan nyatakan apakah langkah-langkah yang Kerajaan sedang ambil untuk mencegah polarisasi tersebut yang boleh membawa keburukan kepada negara ini.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Ahli Yang Berhormat itu harus maklum bahawa Majlis Gerakan Negara pada 14hb Ogos, 1969 telah melantik sebuah Jawatankuasa untuk mengkaji kehidupan penuntut-penuntut di kampus Universiti Malaya. Bidang-bidang tugas Jawatankuasa itu adalah:

- (i) Untuk mengkaji berbagai aspek kehidupan kampus penuntut-penuntut Universiti Malaya dan untuk menimbangkan samada terdapat kemudahan-kemudahan yang cukup bagi perhubungan sosial dan kebudayaan untuk memupuk perpaduan dikalangan penuntut-penuntut yang terdiri dari berbagai kaum;

- (ii) Untuk mencari jalan dan cara bagi membantu, menggalak dan mengelola penuntut-penuntut supaya dapat menikmati satu kehidupan kampus yang penuh kerjasama dengan tujuan menggalakkan perhubungan sosial dan kebudayaan yang lebih serta memupuk perasaan muhibbah dan perpaduan dikalangan penuntut-penuntut dari berbagai kaum;

- (iii) Untuk membuat perakuan bagi mengadakan kemudahan-kemudahan dan kelengkapan di universiti bagi mencapai matlamat tersebut di dalam (ii) di atas.

Jawatankuasa itu telah pun selesai membuat kajiannya Lapuran Jawatankuasa itu telah diserahkan kepada Kerajaan pada 17hb Februari, 1971.

Di dalam laporannya Jawatankuasa itu telah menyatakan bahawa secara amnya perhubungan kaum di Kampus berkeadaan biasa, seperti juga di luar. Walau bagaimanapun, disebalek paras sosial dan permukaannya ini Jawatankuasa itu dapat mengesan sikap tidak peduli dikalangan satu kaum terhadap persatuan, hal-hal dan masaalah-masaalah kumpulan-kumpulan yang lain. Jawatankuasa itu percaya memang telah wujud satu keadaan tiada persafahaman di antara kumpulan kaum yang berbeza yang membawa kepada polarisasi di atas issue-issue politik yang serious dan malahan kepada sikap permusuhan di waktu-waktu krisis penuntut.

Jawatankuasa itu berpendapat bahawa di antara perkara-perkara yang telah membawa kepada keadaan yang tidak menyenangkan ini ialah:

- (i) Keanggotaan masyarakat penuntut itu sendiri yang tidak membayangkan keanggotaan negara seluruhnya dan yang masih tidak membahayakannya apabila ditimbangkan berdasarkan fakulti-fakulti.
- (ii) Masaalah bahasa telah ditunjukkan bahawa penuntut-penuntut Melayu pada keseluruhannya cenderung bercakap dalam bahasa Melayu sesama sendiri. Lebih penting lagi telah ada tambahan di dalam bilangan penuntut-penuntut aliran Melayu yang merasa malu akan bahasa Inggeris lisannya dan yang sesungguhnya mengharapkan

bahasa dalam mana mereka telah diajar, yang mana adalah Bahasa Kebangsaan, menduduki satu tempat yang diakui di dalam sistem universiti.

- (iii) Perkara yang boleh dipanggil sebagai batas nilai ekonomi dan sosial dan perbezaan. Kebanyakan daripada penuntut-penuntut Melayu datang daripada kawasan luar bandar dan kebanyakan penuntut-penuntut bukan Melayu datang dari kawasan-kawasan bandar dengan segala perbezaan nilai-nilai dan kecenderongan.
- (iv) Nilai-nilai politik yang berbeza. Penuntut-penuntut Melayu dan bukan Melayu di universiti seperti juga mereka-mereka yang di luar cenderung mentafsirkan sejarah perlembagaan dan realiti-realiti politik seperti ekonomi negara dengan cara yang berbeza. Oleh itu kecenderongan dan perhatian mereka juga adalah berbeza. Di dalam pemandangan penuntut-penuntut bukan Melayu, penuntut-penuntut Melayu zahir kepada mereka sebagai obsasif dan cemburu berkenaan bahasa, kebudayaan dan ugama dan penuntut-penuntut bukan Melayu di dalam pemandangan penuntut-penuntut Melayu cenderung membuat pentafsiran yang salah terhadap sejarah negara ini dan tidak memahami realiti-realiti yang wujud pada masa ini. Selanjutnya di dalam universiti seperti juga di luar wujud masaalah jurang jenerasi (generation gap) di dalam ertikata bahawa golongan muda di dalam satu kumpulan kaum adalah samada tidak menyedari akan persetujuan kaum di waktu perjuangan mendapatkan kemerdekaan, oleh itu menganggapnya sebagai tidak lagi dapat berjalan atau tidak dapat dipakai lagi, ataupun merasakan bahawa perlaksanaannya telah tidak adil.
- (v) Mutu pimpinan penuntut. Jawatankuasa itu percaya bahawa telah ada kegagalan di dalam pemimpinan penuntut untuk membawa kepada satu persefahaman, harmoni perkauman yang lebih dan perpaduan kebangsaan dikalangan penuntut-penuntut di dalam Kampus.

Jawatankuasa itu telah mencadangkan langkah-langkah berikut untuk memperbaiki keadaan ini:

- (i) Universiti haruslah memutuskan dan menyatakan dengan terang bahawa adalah menjadi dasar universiti untuk menjamin, seberapa yang mungkin, bahawa keanggotaan mengikut kaum masyarakat penuntut bukan sahaja di dalam universiti pada keseluruhannya tetapi di atas dasar fakulti haruslah membayangkan keanggotaan kaum dalam negara ini. Jawatankuasa itu sedar bahawa dasar ini tidak dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya dengan serta merta di dalam semua fakulti-fakulti, tetapi juga ianya percaya adalah penting untuk mempunyai satu dasar yang pasti serta diumumkan. Ia akan mengingatkan mereka yang bertanggungjawab di atas pengambilan masuk penuntut-penuntut ke semua fakulti-fakulti akan matlamat-matlamat yang harus dicapai seberapa yang mungkin. Ia juga akan menolong mengurangkan apa-apa keraguan di dalam fikiran-fikiran kakitangan, penuntut-penuntut dan juga masyarakat amnya dan mengelakan tuduhan berat sebelah dan diskriminasi yang dituju kepada fakulti-fakulti yang berlainan.
- (ii) Pihak berkuasa Universiti hendaklah menentukan bahawa fakulti-fakulti yang kurang diwakili oleh penuntut-penuntut Melayu (yang mana adalah kurang di dalam semua fakulti-fakulti Jurusan Sains melainkan di dalam Fakulti Pertanian) haruslah membuat segala usaha untuk mendapatkan kemasukan penuntut-penuntut Melayu.
- (iii) Di dalam tiap-tiap fakulti penuntut-penuntut yang datang dari kawasan luar bandar di mana kemudahan untuk mempelajari Sains adalah terbatas haruslah diberi tuition dan panduan khas. Berhubung dengan kriteria untuk masuk ke Universiti, Jawatankuasa itu berpendapat bahawa kriteria tersebut haruslah tidak bersifat akademik semata-mata, tetapi haruslah meliputi perkara-perkara lain selain daripada keputusan STP dan bahawa pihak-pihak berkuasa Universiti hendaklah memberi keberatan (emphasis) kepada mereka-mereka yang datang daripada kawasan luar bandar.

- (iv) Jawatankuasa memperakukan bahawa pihak-pihak yang berkuasa mengeluarkan biasiswa hendaklah menghadiahkan lebih banyak biasiswa-biasiswa di dalam Jurusan Sains kepada penuntut-penuntut Melayu untuk membaiki ketiadaan perimbangan yang sekarang ini terdapat di dalam fakulti-fakulti tersebut.
- (v) Jawatankuasa itu memperakukan juga bahawa penggunaan standard-standard dan peraturan-peraturan kemasukan (termasuk Seksyen 47 Perlembagaan Universiti) hendaklah dibuat dengan budibicara dan pertimbangan waras dan "flexibility" oleh mereka-mereka yang berkaitan, iaitu Universiti, fakulti dan Kementerian Pelajaran dengan mengingatkan matlamat kebangsaan. Jawatankuasa itu juga mengesyorkan bahawa di dalam Jurusan Sains kekurangan siswazah Melayu sebenarnya adalah satu masalah pengeluaran (supply) dan masalah ini mestilah diselesaikan dip peringkat akar umbinya. Kaum-kaum pelajar yang lebih baik di dalam kawasan luar bandar mestilah diwujudkan. Jawatankuasa itu percaya bahawa ada syor-syor untuk mendapatkan beberapa kelas yang berorientasi Sains yang berupa berasrama penuh.
- (vi) Jawatankuasa itu juga mengesyorkan supaya diadakan kursus Sains Khas diperingkat Tingkatan VI di dalam Jabatan Pengajian Pra-Universiti di I.T.M. untuk penuntut-penuntut yang tidak layak untuk melanjutkan pengajiannya di dalam aliran pendidikan biasa. Penuntut-penuntut ini hendaklah diberi perhatian dan tuition yang khas.

Selain dari perakuan-perakuan yang telah disebutkan tadi, yang kursusnya berkaitan dengan perhubungan kaum di dalam Kampus, Jawatankuasa itu ada membuat 101 perakuan-perakuan yang lain.

Kerajaan telahpun mengambil tindakan di atas beberapa perakuan Jawatankuasa tersebut. Misalnya, Persatuan Penuntut adalah di larang dari mengambil bahagian di dalam Pilihanraya Politik di luar Kampus. Ini adalah terkandung di dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Berhubung dengan pergabungan Persatuan Penuntut-penuntut kepada parti-parti politik

dan kesatuan-kesatuan sekerja perkara ini telah juga dimasukkan di dalam Akta itu. Begitu juga dengan susunan Majlis Universiti yang telah dikaji semula dan diperkecilkan dari 26 orang kepada 15 orang seperti yang telah terkandung di dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti.

Berhubung dengan dasar kemasukan penuntut ke Universiti, Kementerian Pelajaran telah mengarahkan bahawa Universiti hendaklah menjalani satu dasar supaya seberapa yang boleh keanggotaan universiti hendaklah membayangkan keanggotaan kaum di negara ini, bukan sahaja di dalam Universiti pada keseluruhannya tetapi juga di fakulti-fakulti. Pada masa ini dari jumlah penuntut-penuntut di Universiti Malaya seramai 8,748 orang (termasuk di Fakulti Pendidikan) peratusan penuntut-penuntut mengikut kaum adalah seperti berikut:

Melayu	...	4,151	atau	47.5%
Cina	...	3,762	atau	43 %
India	...	577	atau	6.6%
Lain-lain	...	258	atau	2.9%

Dari segi pembahagian secara amnya nampak tidak ada lagi polarisasi tetapi dari segi pembahagian penuntut-penuntut mengikut fakulti masih kelihatan polarisasi. Misalnya dalam tahun pengajian 1972/73 penuntut Melayu berjumlah sebanyak 75.4% di Fakulti Sastera dan penuntut-penuntut Cina pula berjumlah 77% di Fakulti Sains dan 88% di Fakulti Kejuruteraan. Sebaliknya peratusan penuntut-penuntut Melayu di Fakulti Sains hanyalah 12.8% dan Fakulti Kejuruteraan 7.5% dibandingkan pula dengan peratusan penuntut-penuntut Cina di Fakulti Sastera yang berjumlah 15.8%.

Pada masa ini jumlah penuntut-penuntut di Universiti telahpun dapat mencerminkan jumlah kaum di dalam negara ini tetapi ianya belum dapat lagi mencerminkan pembahagian kaum disemua fakulti.

Usaha-usaha telahpun dijalankan untuk mencerminkan bilangan kaum di negara ini di fakulti-fakulti. Ada beberapa fakulti yang telahpun boleh dikatakan dapat mencapai pecahan kaum yang memuaskan, misalnya di Fakulti Pertanian jumlah penuntut Melayu ialah 46.5% dan jumlah penuntut Cina ialah 46.3% dan di Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Awam jumlah penuntut Melayu ialah 45.9% dan jumlah penuntut Cina 41.1%.

Perseimbangan bilangan penuntut mengikut kaum di fakulti-fakulti akan terus diusahakan. Perkara ini akan mengambil masa. Sementara itu, Kementerian Pelajaran sendiri sedang berusaha menambah jumlah bilangan penuntut-penuntut Melayu di dalam aliran sains dengan mengadakan sekolah-sekolah berasrama penuh yang menitikberatkan matapelajaran sains dan hisab sedang dibena.

Selain daripada langkah-langkah yang dijalankan oleh Kerajaan itu, pihak Universiti Malaya sendiri telah mengambil tindakan di atas beberapa perakuan-perakuan Jawatankuasa itu. Di antara perkara-perkara yang telah diambil tindakan oleh pihak Universiti ialah:

- (i) Universiti telahpun menubuhkan Jawatankuasa Bersama Fakulti/Mahasiswa yang bertujuan untuk menimbangkan masalah akademik dan kebajikan mahasiswa-mahasiswa dan membuat perakuan ke atas penyelesaiannya serta untuk menjadi satu perhubungan di dalam perkara-perkara mengenai mahasiswa, fakulti dan pentadbiran fakulti. Perjumpaan-perjumpaan juga diadakan di antara pemimpin-pemimpin mahasiswa dengan Naib Canselar untuk memperbaiki lagi hubungan di antara penuntut-penuntut dan pihak-pihak pentadbir Universiti.
- (ii) Universiti telah juga mengeluarkan satu dasar bahasa yang diterima oleh semua pihak dan satu Pusat Bahasa telah ditubuhkan untuk melaksanakan Dasar Bahasa Malaysia di Universiti dengan lebih berkesan lagi. Guru-guru bahasa ditugaskan ke semua fakulti untuk mengajar bahasa Malaysia kepada mahasiswa dan kakitangan. Di samping pengajar bahasa, Pusat Bahasa juga menjalankan tugas untuk mengumpul serta mencipta istilah-istilah untuk kepentingan pengajaran di Universiti.
- (iii) Adalah juga menjadi dasar Universiti Malaya untuk mengadakan makanan yang halal di asrama-asrama. Dengan jalan ini mahasiswa-mahasiswa dari berbagai golongan kaum dan agama dapat makan bersama dengan tujuan

memupuk muhibbah dan perasaan persaudaraan.

- (iv) Adalah juga menjadi dasar universiti supaya mahasiswa-mahasiswa yang menginap di asrama mencerminkan kedudukan kaum di Malaysia iaitu:

	Melayu	Cina	India	Lain-lain
Asrama Pertama ..	52.5%	34.7%	5.6%	6.9%
Asrama Kedua ..	51.1%	39.1%	7.2%	2.3%
Asrama Ketiga ..	51.1%	39.1%	7.7%	2%
Asrama Keempat ..	49.3%	38.6%	8.9%	3.2%
Asrama Kelima ..	52.1%	36.5%	8.5%	2.9%

- (v) Kelas-kelas bimbingan khas dan kelas Pra-Kejuruteraan telah diadakan di Universiti Malaya untuk menolong mahasiswa yang mempunyai biasiswa untuk mencapai kadar kelulusan yang seimbang dengan gulungan mahasiswa yang lain. Langkah ini juga diambil untuk menolong mahasiswa yang lemah di dalam pelajaran mereka agar dapat mencapai kejayaan di dalam pelajaran.
- (vi) Universiti Malaya juga sekarang mempunyai seorang Pegawai Kebudayaan untuk menjamin perhubungan Kebudayaan yang lebih di antara kumpulan kaum yang berbeza di Kampus.
- (vii) Universiti Malaya juga sekarang mempunyai seorang Pegawai yang ditugaskan khas untuk menjaga hal ehwal sukan.
- (viii) Universiti Malaya juga sekarang mempunyai seorang Penasihat Mahasiswa (Student Counsellor).

Di samping itu saya sendiri telah menegaskan di dalam ucapan saya kepada Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya pada 2hb Disember, 1972 yang lalu bahawa adalah mendukacitakan dan akan merusakkan negara kita sekiranya Kampus Universiti itu disalahgunakan untuk membiak serta mengekalkan polarisasi di kalangan pelajar-pelajar.

Laporan Jawatankuasa untuk mengkaji kehidupan penuntut-penuntut di Kampus Universiti Malaya ini telah juga dipanjangkan kepada pihak Universiti untuk kajian seterusnya. Laporan ini juga telahpun disebarkan kepada umum dan boleh dibeli di kedai-kedai dengan harga \$3.50 sen senaskhah.

TIKET-TIKET PENERBANGAN MAS—JUALAN

15. Tuan V. David minta Menteri Perhubungan menyatakan mengapa MAS mengeluarkan tiket kepada penumpang-penumpang ke Brunei dalam bulan Oktober, 1972 pada hal MAS tahu bahawa Kerajaan Brunei belum memberi hak-hak pendaratan kepada MAS bagi penerbangan terus dari Kuala Lumpur ke Brunei.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Menurut amalan Syarikat-syarikat penerbangan, jadual penerbangan dan tiket-tiket untuk perkhidmatan-perkhidmatannya adalah dijual sebelum masa penerbangannya dan bagi setengah-setengah perkhidmatan, tiket-tiket itu dijual di antara enam bulan hingga setahun sebelum penerbangan itu dilakukan. Masa MAS melancarkan perkhidmatannya MAS menganggap bahawa kebenaran mungkin diperolehi untuk mendarat di Brunei atas alasan bahawa MAS cuma akan mengambil alih perkhidmatan-perkhidmatan yang diadakan oleh M.S.A. MAS tidak menduga bahawa ia tidak dibenarkan mendarat di Brunei sehingga tarikh mulai perkhidmatannya, kerana pada masa itu pihak Kerajaan Malaysia dan Kerajaan United Kingdom sedang giat mengadakan perundingan mengenai perjanjian antara bangsa di antara dua negara.

PEMBELIAN KEPALTERBANG SIA OLEH MAS

16. Tuan V. David minta Menteri Perhubungan menyatakan samada benar MAS telah membeli dua buah kapalterbang daripada Syarikat Penerbangan Singapura, dan jika ya, mengapa MAS tidak sedar akan keperluan-keperluannya apabila bercadang hendak menjalankan penerbangannya sendiri.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Adalah tidak benar bahawa MAS telah membeli dua buah kapalterbang daripada Syarikat Penerbangan Singapura. Apa yang berlaku ialah MAS telah menyewa dua buah kapalterbang jenis B 737 daripada Syarikat M.S.A. Sebuah daripadanya disewa mulai daripada 1hb Oktober, 1972 hingga 24hb Oktober, 1972—24 hari. Kapalterbang yang kedua disewa mulai 1hb hingga 14hb Oktober, 1972—14 hari. Cadangan hendak menyewa dua buah kapalterbang ini memang telah

dirancang dan dipersetujui berbulan-bulan dahulu sebelumnya MAS melancarkan perkhidmatannya, untuk menyesuaikan dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang akan dilancarkan pada 1hb Oktober, 1972.

PENERBANGAN MAS— KEKURANGAN PENUMPANG

17. Tuan Chan Fu King minta Menteri Perhubungan menyatakan samada ia sedar bahawa di dalam beberapa penerbangan MAS, didapati kakitangannya lebih ramai daripada penumpang; beri suatu lapuran mengenai penerbangan-penerbangan itu dan sektor-sektornya dan nyatakan apakah tindakan yang sedang diambil untuk menghapuskan rancangan membazir itu.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Syarikat MAS mulai perkhidmatannya pada 1hb Oktober, 1972. Dalam bulan pertama perkhidmatannya dilancarkan, ada beberapa perkhidmatan yang kurang memuaskan kerana penumpangnya kurang. Tetapi, mulai daripada minggu yang kedua, sehingga sekarang keadaan penumpang telah bertambah dan memuaskan. Perkara mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan ini adalah dikaji dari semasa ke semasa dan akan diperbaiki untuk menyesuaikan dengan rancangan dan keadaan masa.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG (PERANCANGAN) BANDARAYA KUALA LUMPUR

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (7hb Disember, 1972).

Perbahasan disambung semula.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di Pertua, semalam saya telah berkata iaitu saya adalah menyokong penuh di atas Rang Undang-undang (Perancangan) Bandaraya Kuala Lumpur ini, tetapi Kuala Lumpur ini malang sedikit. Malangnya oleh kerana Kuala Lumpur adalah dibena oleh penjajah pada

masa dahulu dan perancang Bandaraya Kuala Lumpur adalah dibuat oleh penjajah bukan untuk kepala negara Malaysia, tetapi adalah untuk penjajah sahaja. Penjajah akan pergi dan tinggalah Kuala Lumpur.

Apabila kita telah mencapai kemerdekaan 16 tahun yang lalu, maka kita telah cuba untuk membena Kuala Lumpur menjadi satu bandar pusat bagi Malaysia. Maka ahli municipal telah dipilih bagi mentadbirkan Kuala Lumpur, tetapi malangnya Kuala Lumpur sampai hari ini sungguhpun ada pertukaran-pertukaran, sungguhpun ada bangunan-bangunan yang tinggi tetapi kalau ditengok dalam tempoh 16 tahun jalan-jalannya sempit-sempit masih ada lagi. Berapa batang jalanraya yang besar telah dibena oleh Kerajaan. Boleh dikatakan dua, tiga sahaja. Jadi dengan sebab itu pada hari ini Kuala Lumpur telah menjadi besar, penduduk telah menjadi ramai boleh dikatakan jikalau tahun 1910 dahulu penduduk di Kuala Lumpur ini cuma 50,000 orang tetapi hari ini sudah ada lebih kurang 750,000 orang ramainya. Dengan sebab itu segala-galanya mesti besar. Dalam 750,000 orang itu tiap-tiap 6 orang ada sebuah motokar di Kuala Lumpur ini. Kalau dikirakan motokarnya beratus ribu ada motokar di Kuala Lumpur ini, tetapi jalannya begitu juga. Dengan sebab itu ahli-ahli municipal ini atau ahli-ahli Ibu Kota ini yang menjadi ahli-ahlinya mesti menimbangkan di atas perkara ini.

Apabila orang banyak, maka makanannya pun banyak, sampah pun banyak. Apabila sampahnya banyak, segala-galanya banyak. Ini sungai melalui Kuala Lumpur masih bukan sahaja parit-parit macam mana 30 tahun dahulu atau 40 tahun dahulu, parit-parit begitu juga, longkang-longkang begitu juga, tidak dibesarkan. Dengan sebab itu, tidak salahlah apabila banjir. Apabila hujan, maka Kuala Lumpur telah karam. Sebab apa? Planning tidak ada. Perancang tidak membuatkan sungguhpun ada engineer-nya dan berbagai-bagainya tetapi engineer-nya dan ahli-ahli Jawatankuasanya cuma menengokkan iaitu mengenakan cukai sahaja. Cukai mesti dipungut. Kalau cukai tahun ini 15% tidak cukup, naik lagi 20%. Kalau tidak boleh cukup lagi, naikkan setinggi-tingginya 25% tetapi service kepada orang-ramai sangat-sangat sedikit yang diberikan oleh Ibu Kota Kuala Lumpur kepada orang-ramai yang telah membayar cukai kepadanya.

Dengan sebab itu, Tuan Yang di Pertua, saya berharap pada masa yang akan datang, maka hendaklah ahli-ahli memikirkan kehendak-kehendak orangramai. Jalan-jalan mesti dibesarkan bukan sahaja dibesarkan untuk motokar tetapi juga untuk basikal, untuk motosikal. Oleh kerana kita bukan sahaja memikirkan untuk orang kaya yang ada motokar besar, tetapi juga kita memikirkan untuk orang-orang miskin yang berjalan kaki yang juga naik basikal dan motosikal di bandar-bandar yang saya tengok yang ada planningnya betul-betul, ada untuk basikal, ada untuk motosikal dan ada untuk motokar.

Baharu-baharu ini saya menengok Bandar Nairobi. Bandar Nairobi sungguhpun baharu merdeka, tetapi bandarnya betul-betul cantik elok, tengah-tengah bandarnya jalannya sampai 6, 7, 8, jalan. Jadi senang basikal, senang motokar, senang motosikal berjalan. Tetapi Kuala Lumpur sayang sedikit oleh kerana selepas 16 tahun merdeka, bandar Kuala Lumpur masih lagi sempit jalan-jalannya.

Kemudian sampah sarap. Selalu kita baca surat khabar terutama sekali dalam *Malay Mail* ada foto-fotonya, cukup ditunjukkan iaitu sampah-sarap cukup banyak sampai nampak dikutip terutama sekali di back lane atau di jalan-jalan yang di belakang. Jalan-jalan yang di hadapan boleh jadi elok tetapi di belakang-belakangnya cukup tidak memuaskan, kotor dan busok sekali.

Sesudah itu kita tengok pula berkenaan dengan undang-undangnya. Undang-undangnya masih lagi undang-undang dahulu, undang-undang penjajah yang masih dipakai lagi Cap. 137 yang digunakan di Town Boards dan juga digunakan di masa kita merdeka ini, di masa kita sudah mencapai city status. Kita juga tidak mengubah balik Cap. 137 yang dibuat oleh penjajah itu menyesuaikan pemerintahan penjajah dahulu. Jadi undang-undang ini mestilah digubal balik supaya menyesuaikan bandaraya Kuala Lumpur ini dan janganlah dipakai by-laws atau undang-undang yang digunakan oleh penjajah lebih kurang 16 tahun yang silam.

Sesudah itu, kita tengok pula bagaimana perumahan. Perumahan di Kuala Lumpur ini boleh dikatakan banyak rumah yang telah didirikan, tetapi tidak cukup banyak lagi. Oleh sebab itu, maka orang-orang miskin telah mendirikan rumah-rumah haram. Saya tidak salahkan orang-orang miskin yang

mendirikan rumah-rumah haram ini, oleh sebab orang-orang miskin datang ke Kuala Lumpur ini bekerja dengan kilang-kilang. Gajinya setinggi-tinggi \$120 sebulan. Hendak masuk ke flat yang didirikan oleh Municipal ataupun City Council, flat itu cukup mahal. Sekurang-kurangnya dengan air, api kena \$50 sebulan. Gaji \$120, sewa flat \$50 campur apa semua dekat \$60, tinggal \$60. Apabila tinggal \$60, anak ada 6 orang. Anak 6 orang \$60, barang-barang mahal hari ini, bagaimanakah mereka hendak hidup? Dengan sebab itu, hendaklah pihak yang bertanggungjawab di Kuala Lumpur ini memikirkan bagaimana untuk membuat rumah murah bukan untuk disewakan, tetapi untuk mereka-mereka ini mendapatkan rumah ini secara bayar ansur tiap-tiap bulan. Di dalam tempoh 15 tahun yang akan datang mereka-mereka ini ada mempunyai satu rumah masing-masing, ataupun satu bilik masing-masing. Tetapi yang saya tengok flat yang ada didirikan oleh City Hall adalah untuk disewakan kepada rakyat. Apabila mereka ini tidak mempunyai pekerjaan lagi kelak maka bilik ini akan dipulangkan balik kepada pihak yang berkenaan.

Sesudah itu kita tengok pula sungai-sungai di Kuala Lumpur. Pada satu masa dahulu saya bertanya bahawa sungai Kuala Lumpur ini mesti didalamkan lagi, mesti dibesarkan lagi. Apa jawab pihak yang berkenaan menyatakan ini bukan tanggungjawab kita. Ini adalah tanggungjawab D.I.D. Kerajaan Selangor, Kerajaan Federal yang bertanggungjawab. Dengan sebab itu, saya percaya bandar Kuala Lumpur juga mempunyai tanggungjawab yang besar di atas perkara sungai-sungai yang ada di dalamnya dan sungai-sungai ini mestilah diperbesarkan.

Baharu-baharu ini seorang Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara menyatakan bahawa baharu satu hari hujan, lebih kurang 4 jam hujan—habis karam, habis bah, habis musnah terutama sekali orang-orang Melayu daripada masa dahulu suka duduk di tepi sungai, maka sampai hari ini juga duduk di tanah haram di tepi sungai, sebab tanah tidak ada lagi, maka duduklah mereka di tepi-tepi sungai; karam, bah, habis kerugian bumiputra yang di tepi sungai itu. Jadi pihak yang berkenaan terutama sekali Bandaraya Kuala Lumpur mestilah menyasat mengapa berlakunya bah ini? Sebab bah ini satu daripada yang saya katakan tadi parit-paritnya kecil, longkang-longkang yang kecil

bagaimana 30 tahun dahulu, begitulah longkang sekarang.

Keempat, perumahan-perumahan telah dibuat iaitu yang dikatakan developers telah membuka tanah-tanah setinggi 18,000 kaki ke atas, 20,000; 30,000; 40,000 dia tidak peduli, yang dikatakan tanah curam betul-betul dipakai juga oleh developers, di bulldozer dengan terang-terang. Pokok kayu langsung tidak ada lagi, sekatan-sekatan yang cukup tidak dibuat. Dan apabila hujan mencurah sahaja masuklah ke parit-parit. Parit pun ditimbus oleh tanah-tanah. Maka tengoklah kawasan Bungsar, hujan sedikit karam kawasan Bungsar. Tengoklah tanah liat di tepi Lever Brothers itu, kalau tidak percaya lihatlah sendiri di Lever Brothers sana. Dahulu rendah, sekarang sudah naik. Apa sebabnya? Oleh sebab tanah-tanah yang dibuka di atas Bukit Bungsar sana. Kerajaan Negeri Selangor dan juga City of Kuala Lumpur mestilah berunding betul-betul. Jikalau satu developer hendak membuat perancangan hendak membuat perumahan, boleh buat perumahan tetapi dengan condition-condition yang ketat sekali. Apa dia condition yang ketat? Mereka mestilah membuat longkang dahulu. Sudah dikatakan, mesti menanam rumput betul-betul. Mereka nampaknya ambil mudah sahaja. Pakai letak sahaja, pakai bebas sahaja. Siapa yang menanggung susah, bukan orang-orang kaya yang menanggung susah, tetapi orang-orang Melayu yang di tepi sungai itulah yang menanggung kerugian yang besar.

Yang keempatnya yang menyebabkan Kuala Lumpur ini karam, pada pemikiran saya ialah satu-satu projek yang hendak dijalankan mestilah pihak Bandaraya Kuala Lumpur dirundingkan. Oleh sebab jikalau satu-satu projek di Kuala Lumpur ini dibuat, saya misalkan Genting Highlands, perumahan-perumahan yang dibuat di sana Bandaraya Kuala Lumpur mestilah diberitahu, oleh kerana Genting Highlands satu tempat yang sejuk. Apabila hujan, kalau misalnya dibuka tanah-tanah, dibulldozer tanah-tanah itu, maka akan mencurah air masuk ke sungai Gombak. Sungai Gombak tidak ada saluran melainkan masuk ke dalam bandaraya Kuala Lumpur dengan cepat sekali. Jadi, apa akan jadi pada bandaraya Kuala Lumpur? Ini adalah pendapat saya yang kurang bijak, tetapi adalah secara pemikiran orang kampung, saya fikir pembinaan di sebelah atas sana adalah mustahak, yang mana

Bandaraya Kuala Lumpur adalah menjadi sasaran kesusahan orangramai. Ini juga mestilah ditengukkan apabila perusahaan atau pembangunan yang hendak diperbuat di sebelah hulu mestilah dirundingkan dengan pihak Kuala Lumpur.

Saya juga hendak nyatakan di sini oleh kerana jalan-jalan di Kuala Lumpur ini sempit, maka hendaklah dibuat jejambat (viaduct) dengan lebih banyak lagi. Kalau tidak begitu maka jalan ini akan runtuh. Trafik tidak dapat lalu dengan senangnya. Sesudah itu di pekan Kuala Lumpur ini ada banyak stall-stall iaitu untuk orang yang peniaga-peniaga kecil, ada bumiputra dan ada yang bukan bumiputra untuk mencari penghidupan sehari-hari. Ada yang secara haram dan ada yang secara halal, tetapi masing-masing mencari nafkah yang halal. Sungguhpun stall itu haram, mereka mencari nafkah yang halal. Mereka terpaksa bekerja keras untuk saraan mereka. Jadi dengan sebab itu, saya berharap pada Ibu Kota Kuala Lumpur memikirkan atas perkara ini supaya jangan dihalang. Ada squad yang merobohkan stall-stall ini, lekas sahaja dengan tidak payah berfikir lagi mereka menangkap dan denda dengan setinggi-tingginya. Maka ini adalah menyusahkan rakyat. Suatu tempat yang sesuai hendaklah dicari sebagai tempat gantinya, bukan boleh dirobok begitu sahaja. Mereka tidak berduit, dan mencari makan dengan cara yang halal. Kalau kita tengok di pasar besar Kuala Lumpur, yang menjadi warganegara yang betul-betul tulin berniaga di tepi-tepi pasar, setengahnya menjual bawang, cili, ikan bilis, ikan kembung untuk orang-orang yang miskin pula membelinya, dan inilah yang ditangkap oleh Pegawai Penguat-kuasa Ibukota. Apabila mereka itu datang, larilah mereka dengan ikan bilisnya, dibawa lari semua, kemudian datang balik, hari-hari ini sahaja kerjanya. Adalah diharap juga pihak yang bertanggungjawab menengok di atas perkara ini supaya mereka itu jangan dihalau begitu sahaja.

Sesudah itu tempat motokar pula. Tempat-tempat motokar, kalau tak cukup, hendaklah dibuat lagi, jangan dirantai motokarnya. Ini kalau kita letak tepi jalan kerana hendak masuk ke kedai hendak membeli barang, tak ada tempat kita hendak meletakkan kereta, tiba-tiba squad ini juga datang memasang pula rantai di kereta kita itu. Bila kita keluar daripada kedai, kita tengok motokar kita

sudah kena rantai, dan kena denda \$10-\$20. Pada masa dahulu pula tak ada, hilang sahaja motokar kita, kadang-kadang ada di J.K.R. entah di mana diletakkan kereta kita dan terpaksa berjalan kaki menengokkan motokar kita ini. Kita katakan Jepun jahat, tetapi cara begini juga jahat juga. Ini mesti diperbaiki, janganlah dibuat rantai seperti ini. Apabila tuan punya motokar datang, macam wayang gambar pula menengok dia, macam dia salah besar. Ini patutlah diperbaiki.

Di bandar Kuala Lumpur ini ada satu tempat pelancung iaitu di Bukit Nenas. Sudah bertahun-tahun saya tengok, belum juga berjalan-jalan lagi. Cable-carnya ada, wrenya ada, saya tengok sudah bertahun-tahun tidak siap lagi. Ini siapa punya tanggungjawab, Bandaraya Kuala Lumpur ataupun Tourism, ataupun Commerce and Industry, tetapi saya harap dapat dicepatkan kerana orang-orang di Kuala Lumpur ini, tak usah dikatakan tourist daripada luar negeri, orang-orang yang membayar cukai di Kuala Lumpur ini suka juga menaiki cable-car ini.

Perusahaan kilang papan di Kuala Lumpur. Pada masa dahulu Kuala Lumpur ini bukan dikatakan bandar besar, bandar kecil sahaja semasa penjajah dahulu, jadi banyaklah perusahaan papan di sini ada di Kuala Lumpur. Tetapi sesudah kita menjadi Ibukota Malaysia maka perusahaan mengkilang papan ini hendak dihantar ke luar bandar, barangkali 10 batu atau 15 batu di luar. Jadi pada hari ini masih banyak lagi Sawmill ada di pekan Kuala Lumpur. Ini saya berharap Ibukota Kuala Lumpur akan mengambil tindakan di atas perkara ini. Oleh kerana kalau tak berbuat begitu, maka habuk dan sebagainya adalah mengakibatkan keburukan kepada kesihatan orangramai.

Selain daripada itu, masa dulu dikatakan jika hendak membangunkan rumah tinggi, tiga atau empat tingkat tak boleh. Tanya apa fasal, Oh! itu undang-undang (by-laws). Kita hendak 4 tingkat sahaja, tak boleh naik ke atas. Jadi selepas 2 tahun ada pula jawatankuasa kata boleh. Di sini boleh, di sana boleh. Kemudian lain tahun pula, dikatakan tak boleh lagi. Baru-baru ini dikatakan boleh, tetapi mesti bayar setingkat sekian bayaran. Jadi kalau hendak dibuat, buatlah sampai mencakar langit, hingga 80 tingkat atau 100 tingkat, asalkan ada wang. Jadi cara begini lebih baik. Kalau tak boleh,

tak usah dibenarkan langsung. Tetapi selalu sangat bertukar undang-undang itu, entah apa fasal saya pun hairan. Barangkali oleh kerana engineer kita sudah terlampau pandai ataupun yang menjadi Ahli Municipal Kuala Lumpur pakai "yes man" sahaja, sebab tiap-tiap tahun mestilah dipilih dia, orang itu juga balik-balik hendak dipilih oleh kerana barangkali dia hendak jadi "yes man". Maka itulah sebabnya tiap-tiap tahun kerja-kerja yang dijalankan tak memuaskan. Bila ditanya oleh pihak atasan, apa macam? "Ini boleh. Bagus, Datuk. Boleh Datuk, semua boleh." Jadi kalau cara beginilah Bandaraya Kuala Lumpur tak boleh jadi teratur. Jadi masih ada mengatakan ini tak boleh, itu dan ini. Ini boleh kerana untuk menaikkan dan mencantikkan Bandar Kuala Lumpur, biar 100 tingkat, tak menjadi halangan. Kita hendakkan orang-orang yang seperti itu mentadbirkan masalah ini pada masa akan datang. Jadi kalau menyatakan dia tidak dapat bintang dengan lekas, saya fikir itu adalah tidak begitu memuaskan untuk rakyat.

Saya harapkan pada masa yang akan datang pihak Perancang Bandar Kuala Lumpur mestilah menengokkan bukan untuk 10 tahun yang akan datang, merancang bandar ini, tetapi hendaklah dirancang Bandaraya Kuala Lumpur ini untuk 1,000 tahun yang akan datang.

Saya pergi ke Malawi baharu-baharu ini, ibu negerinya Blantyre, Kerajaan Malawi ini baharu sahaja merdeka iaitu 6 tahun dahulu, tetapi dia buat capital atau kepala negeri yang baharu. Oleh kerana misalnya Kuala Lumpur ini tak sesuai, bandaraya tak teratur dan sebagainya, mereka satu bandar yang betul-betul elok, betul-betul dibuat dengan perancangan yang sesuai, diambil pakar-pakar luar negeri, meminta mereka macam mana hendak membuat bandar yang elok iaitu dinamakan Lyndonway.

Dengan ini akan terbinalah satu bandar yang baharu, capital yang betul-betul sempurna. Saya harap Yang Berhormat Menteri akan menghantar pegawai-pegawainya pergi menengok Bandar Lyndonway tadi. Itulah yang dibuat oleh Malawi. Di sana sekarang dibuat empat-jalan, tetapi sungguhpun dibuat empat-jalan itu dengan bunga di tengah-tengah, bunga di tepi, tetapi barangkali untuk 100 tahun lagi dibuat pula dua-jalan lagi sebelah sana dan dua jalan

sebelah sini, ertinya ada rezab. Dia kata bila-bila masa nanti ada wang, bila masa orang semakin ramai, rezab ini boleh digunakan untuk dibina jalan. Tetapi di negara kita ini macam mana Kerajaan merancangkan jalan, macam itu juga, tak ubah-ubah. Jadi diharaplah pegawai-pegawai kita merancangkan bandar Kuala Lumpur ini biarlah untuk 100 tahun akan datang supaya boleh digunakan.

Tuan Goh Hock Guan (Bungsar): Tuan Yang di Pertua, saya hendak mengambil bahagian di dalam perbahasan mengenai Akta Perancangan Bandaraya Kuala Lumpur, 1972, dan oleh sebab perkara ini adalah sedikit teknikal, saya harap boleh mendapat izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di Pertua: Boleh campurkan dalam bahasa Malaysia dan juga dengan izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Goh Hock Guan: Terima kasih, Tuan Yang di Pertua.

(Dengan izin) Sir, the proposed City of Kuala Lumpur (Planning) Act, 1972 is, in my opinion, defective in the following respects:

Firstly, Sir, Clause 7 (2) page 13 requires that a layout plan be prepared by the Commissioner of the Federal Capital on receipt of an application for development. This to me, Sir, is the cause and will continue to be the cause for planning delays in Kuala Lumpur. I understand that the whole purpose of this new piece of legislation is to remove the blockage in our Planning Ordinance in order to speed up the very badly needed development in the Federal Capital. I submit, Sir, therefore, that this Clause will continue to hold up planning applications for these reasons:

- (i) The Kuala Lumpur Municipality takes far too long to prepare such a layout plan because of its shortage of planning staff.
- (ii) The inability and the difficulty of the Planning Department to co-ordinate speedily the requirements of the Municipal engineers, Municipal architects, P.W.D. and other requirements.

This Clause, Sir, would also not permit private professionally qualified architect town planners from submitting layout plans on behalf of their clients as the Commissioner of the Federal Capital is the only man who can do it and the Commissioner is short of staff, as we have seen. This situation, Sir, is comparable to the practice of medicine if medicine can only be practised by doctors working in the hospitals and for the Ministry of Health and that doctors in private practice would not be able to practice medicine. In the same way, private professionally qualified architect town planners would not be able to submit layout plans on behalf of their clients. I suggest therefore, Sir, that this Clause should be amended by dispensing with the necessity of a layout plan by the Commissioner if the application conforms with the Comprehensive Development Plan and if the application is submitted by qualified town planners who could then deal directly with the various authorities so as to meet their departmental needs relating to roads, drains, water supply and other services.

The second defect, Sir, relates to the periodic preparation of a Master Plan for Kuala Lumpur at five yearly intervals in order to cater for the increase in human and car populations, the changing needs of industry, commerce and education. But Clause 8 (1) page 14 merely states that only surveys shall be made but not necessarily a revised up-to-date Master Plan. I think this is a loophole which will permit the continuation of the Municipality's very bad practice previously when no new Master Plan was made for Kuala Lumpur since 1939 when the first Plan was made, i.e. a lapse of almost 30 years. The Kuala Lumpur Municipality just failed to prepare a Master Plan for so long, which has caused a good deal of hardship, delays and loss of revenue and development in Kuala Lumpur. This must not happen again and I therefore suggest that a revised Master Plan, not just surveys, must be made for Kuala Lumpur at least once in 5 years and this should be written into the Planning Ordinance.

Sir, we have seen what has happened to the surveys made before. The Transportation Survey made 7 years ago and the Antolic Survey made 10 years ago, to name a few, have led to nothing.

The third very glaring defect is a Clause relating to interim development plan vide Part IV Clause 10 (3). Now, Sir, as town planners understand it, an interim development plan by its very nature is a temporary and interim plan and it should not be used as a permanent plan or be part of a permanent Master Plan. An interim development plan is required only in the absence of a proper plan and should not take the place of a proper Master Plan. But Clause 8 (4) states that it is part of the Comprehensive Development Plan. I think, this is bad because it would encourage again *ad hoc*, haphazard, interim planning which in the end avoids the need for proper up-to-date planning for Kuala Lumpur. Furthermore, Sir, Clause 10 (3) which states that the Interim Development Plan shall come into force on the publication of a public notice and before allowing the public an opportunity, as it is their right to make comments and objections pertaining to the change of use of their land and their city, is bad planning practice, wrong and unfair to the people. I suggest that the interim development plan should take effect only after the views of the public have been obtained. This, Sir, to me is a fundamental democratic right which should not be denied and if we want to get the co-operation of the public, this is the course of action that we should follow.

No mention is made as to how long the Commissioner intends to take to prepare such an interim plan. This again is a frequent cause of planning delay because land which falls within the area of planning becomes frozen indefinitely while this interim plan is being done and I say here, Sir, that the public have a right to know how long it will take to prepare such an interim plan. This time period must be stated to ensure that the Commissioner does his work and the public know where they stand.

Sir, the fourth defect I want to point out relates to land affected by planning proposals such as land for roads, open space, etc. Again, Sir, no provision is made to acquire such land immediately as a result of which the owners, who are not all rich, cannot do anything with their land themselves; on top of which, Government refuse to acquire and pay for it immediately. It is therefore essential that Government pays immediately for all land that is required to make the Kuala Lumpur Master Plan a success.

Otherwise the Master Plan will remain just a "paper tiger" in addition to causing hardship and financial loss to the members of the public. The moment an interim development plan or Comprehensive Plan or Layout Plan is gazetted, a provision in the new Planning Act must require the immediate purchase by Government of all lands which have been injuriously affected by Government's planning proposals.

Fifthly, Sir, the defect is the weakness in the present Town Planning Department of Kuala Lumpur. There is no provision anywhere in the Act to enable our Town Planners to implement their proposals. The planners can make the plan but the P.W.D., the State Governments, the Federal or any other Authority does not have to follow the plan. Neither does the Planning Department have the power or the finance to implement its proposals.

This I consider to be undesirable and I would suggest therefore that:

- (i) The planning and the implementation of the Master Plan for Kuala Lumpur must be under one single Authority.
- (ii) Everyone must observe the Plan. No exception and exemption should be given to any authority, State Government or Federal Government to do or plan anything they like in disregard of the Master Plan for Kuala Lumpur; otherwise it makes nonsense of our town planning effort. In this respect, Sir, Clause 16 (12) on page 21, where the Federal, State or City Government could do as they like, should be deleted and they should enjoy no more nor less rights than the people. This again is fundamental and I might cite here, Sir, the case of the new Houses of Parliament in London which are now being proposed. Now, Sir, even the design for the new Houses of Parliament in London had to be submitted to the Planning Authority in London and had to conform with the Master Plan for London and that, Sir, is the way as it ought to be. I think Government, whether it be Federal or State, should set the example in observing the laws of the land.

